



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume5, Issue 4, April 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msosocialsciences.com

Kesediaan Murid Terhadap Penggunaan Aplikasi *Google Classroom* Sebagai Platform Pembelajaran Sejarah

M. Kaviza¹

¹Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Correspondence: M. Kaviza (kavizakaviza@yahoo.com)

Abstrak

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan murid terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran sejarah. Seramai 114 orang murid Tingkatan Empat yang ditentukan berdasarkan teknik persampelan rawak mudah merupakan sampel kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang menggunakan skala likert lima mata yang telah disahkan oleh pakar dalam bidang pendidikan sejarah yang berpengalaman dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan murid dalam penggunaan *Google Classroom* berada pada tahap yang sederhana dalam kalangan murid. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran. Implikasi kajian ini telah mencadangkan kepada guru-guru untuk menggunakan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform dalam proses pembelajaran sejarah dengan meluas dan berkesan.

Kata kunci: Google Classroom, persepsi, kesediaan, mata pelajaran sejarah

Student's Readiness of Using Google Classroom Application as Learning History Platform

Abstract

This survey study aimed to identify the level of student's readiness of using Google Classroom as learning history platform. A total of 114 form four students which are selected through simple random sampling technique were the sample involved in this study. The instrument of this study is the five likert scale questionnaires which are verified by the experts and have a good reliability values. The findings of this study indicated that the level of students's readiness on using Google Classroom is moderate. In addition, there is no significant mean difference on readiness of using Google Classroom based on gender and subject stream. The implications of this study suggested for the teachers to utilise Google Classroom effectively as a teaching and learning platform in history subject.

Keywords: Google Classroom, perception, readiness, history subject

Pengenalan

Perkembangan teknologi yang pesat dalam sistem pendidikan di Malaysia telah menyebabkan berlaku perubahan dari aspek penggunaan pendekatan, strategi, kaedah, teknik, alat, sumber dan bahan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan bagi kurikulum sejarah yang telah menyarankan kepada penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) secara berfikir, terancang dan bersesuaian dengan keperluan pembelajaran bagi meningkatkan kefahaman dan penguasaan, memberikan peluang pembelajaran yang sama rata, meningkatkan motivasi diri dan membolehkan pengamalan pembelajaran sendiri dalam kalangan murid (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2018). Sehubungan dengan itu, aplikasi *Google Classroom* kini semakin berkembang pesat sebagai alat, pelantar dan media dalam proses pembelajaran pada peringkat global dan nasional yang dapat diintegrasikan sepenuhnya di semua peringkat persekolahan secara efisien (Hapini Awang, Zahurin Mat Aji, Wan Rozaini Sheik Osman, Aidayani Abdul Nasir, Mazlida Mat Deli & Wan Yusof Wan Hamat, 2019; Nor Zanira Abdul Manan & Hafizul Fahri Hanafi, 2019; Izwan Nizal Mohd Shaharane, Jastini Mohd Jamil Mohd Jamil & Sarah Syamimi Mohamad Rodzi, 2016; Bondarenko, Mantulenska & Pikilnya, 2018; Sukmawati & Nensia, 2019).

Google Classroom merupakan aplikasi pembelajaran percuma yang telah dibangunkan oleh pihak Google untuk kegunaan sistem pendidikan pada tahun 2014 bagi memudahkan para pendidik merancang, melaksanakan dan mentaksir tugas ataupun hasil kerja murid secara pendekatan *paperless*, di samping menggalakkan proses perkongsian bahan-bahan pembelajaran antara murid-murid dan guru-guru dengan membentuk komuniti persekitaran pembelajaran atas talian (Alejandra, Christopher, Javier & Juan, 2017; Andri, 2016; Ken, Chris & Gay, 2016; Joko & Kartono, 2019; Sambit, 2020). Tambahan pula, platform *Google Classroom* ini telah menggabungkan aplikasi-aplikasi dalam Google itu sendiri seperti *Google Drive*, *Google Docs*, *Google Sheets*, *Google Slide*, *Google Calendar*, *Gmail* dan sebagainya, di samping pautan aplikasi-aplikasi lain seperti *Quizizz*, *Kahoot*, *Quizlet*, *Plickers*, *Ed-Puzzle* dan sebagainya yang melibatkan fungsi aplikasi sebagai rangkaian sosial, sebagai alat perkongsian bahan, sebagai papan pembelajaran interaktif, sebagai penyimpanan data dan sebagai penyediaan latihan pengukuhan (Mohd Amin Embi, 2013; Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Wan Norma Wan Hamat & Nor Khayati Basir, 2019; Muhammad Alif Redzuan Abdullah & Sanimah Hussin, 2019). Justeru, kesemua aplikasi-aplikasi tersebut mempunyai kekuatan yang tersendiri untuk menyokong keberkesanan pelaksanaan strategi pembelajaran abad ke-21 yang menekankan kepada konsep 4C iaitu *communication*, *collaboration*, *critical thinking* dan *creativity* yang membolehkan murid-murid dapat membentuk kemahiran hidup dan kerjaya untuk bersaing pada peringkat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, [KPM], 2014, 2015; Partnership for 21st Century Skills, 2009; PPK, 2018).

Pernyataan Masalah

Walaupun aplikasi *Google Classroom* didapati berpotensi digunakan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan dengan berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu (Nurfayanti & Nurbaetim, 2019; Ula, Lilis & Trisnendri, 2019; Fauzan & Fatkhul, 2019; Ericka, Muhammad, Karunia, Sekar, Satito, Ika, Bero & Muhammad, 2019; Ade, 2018), namun terdapat satu keperluan untuk menentukan tahap kesediaan murid abad ini yang dikategorikan sebagai *Generasi Net* iaitu murid-murid yang hidup dalam persekitaran pembelajaran berteraskan Internet dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran maya. Hal ini kerana aspek kesediaan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penerimaan manfaat suatu kecanggihan teknologi yang diperkenalkan, keberkesanan pelaksanaan suatu proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang bermakna serta tahap keterlibatan murid untuk belajar dan cara bagaimana untuk belajar (Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Shahrizal Mahpol & Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, 2019; Norasyikin Osman & Mohd Isa Hamzah, 2016). Rentetan daripada itu, adalah tidak dinafikan bahawa penggunaan aplikasi *Google Classroom* dalam mata pelajaran sejarah dilaporkan masih kurang (Fitriiningtias, Umamah, & Sumard, 2018) dan keadaan ini telah menimbulkan satu kelompangan kepada pengkaji kajian ini untuk menentukan terlebih dahulu sama ada murid-murid telah benar-benar bersedia untuk menerima penggunaan aplikasi tersebut dalam

proses pembelajaran sejarah sebagai suatu platform pembelajaran maya yang dianggap masih baharu lagi dalam konteks sekolah di Malaysia. Maka, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan murid terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran sejarah.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- i. Menenal pasti tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom*
- ii. Menenal pasti tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina.
- iii. Menenal pasti tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan aliran mata pelajaran.
- iv. Menenal pasti sama ada terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina
- v. Menenal pasti sama ada terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan aliran mata pelajaran.

Soalan Kajian

Soalan kajian ini ialah:

- i. Apakah tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom*?
- ii. Apakah tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina?
- iii. Apakah tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan aliran mata pelajaran?
- iv. Adakah terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina?
- v. Adakah terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan aliran mata pelajaran?

Hipotesis Kajian

Bagi menjawab soalan kajian 4 dan 5, maka hipotesis kajian telah dibentuk bagi diuji kesignifikannya pada aras $p=0.05$ iaitu:

- H_{01} : Tidak terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina;
- H_{02} : Tidak terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan aliran mata pelajaran.

Metod Kajian

Kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik ini melibatkan seramai 114 orang murid Tingkatan Empat iaitu 47 orang murid lelaki dan 67 orang murid perempuan sebagai sampel kajian ini yang telah dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah dari sekolah menengah harian. Jumlah sampel yang diperolehi dalam kajian ini adalah melebihi saiz penentuan sampel kajian yang diperlukan (Krejcie & Morgan, 1970). Soal selidik yang diadaptasi yang telah disahkan kesahan kandungan serta konstruksinya oleh pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah merupakan instrumen kajian ini. Nilai *Cronbach Alpha* iaitu 0.97 bagi soal selidik telah menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima dalam kajian ini (Nunnally, 1978). Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t sampel tak bersandar melalui perisian

IBM SPSS. Interpretasi tahap kesediaan dalam kajian ini ditentukan melalui interpretasi tahap yang diberikan oleh Jamil Ahmad (2002) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Min dan Tahap

Skor Min	Tahap
3.67 – 5.00	Tinggi
2.34 – 3.66	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

Sumber: Adaptasi daripada Jamil Ahmad (2002)

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Tahap Kesediaan Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom

Berdasarkan Jadual 2, tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* ($M=3.14$, $SD=0.81$) berada pada tahap sederhana. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran sejarah dalam kalangan murid berada pada tahap sederhana dalam kajian ini.

Jadual 2: Kesediaan Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom

Konstruk	N	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Kesediaan	114	3.14	0.81	Sederhana

Tahap Kesediaan Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom berdasarkan Jantina

Berdasarkan Jadual 3, tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* bagi murid lelaki ($M=3.21$, $SD=0.82$) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid perempuan ($M=3.10$, $SD=0.81$) dan kedua-dua nilai min tersebut telah menunjukkan bahawa tahap kesediaan murid lelaki dan murid perempuan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berada pada tahap sederhana. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran sejarah dalam kalangan murid lelaki dan perempuan berada pada tahap sederhana dalam kajian ini.

Jadual 3: Kesediaan Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom Berdasarkan Jantina

	Murid Lelaki (N=47)			Murid Perempuan (N=67)		
	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Kesediaan	3.21	0.82	Sederhana	3.10	0.81	Sederhana

Tahap Kesediaan Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom berdasarkan Aliran Mata Pelajaran

Berdasarkan Jadual 4, tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* bagi murid aliran sastera ($M=3.18$, $SD=0.73$) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid aliran sains ($M=3.10$, $SD=0.89$) dan kedua-dua nilai min tersebut telah menunjukkan bahawa tahap kesediaan murid aliran sains dan murid aliran sastera terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berada pada tahap sederhana. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google*

Classroom sebagai platform pembelajaran sejarah dalam kalangan murid aliran sains dan murid aliran sastera berada pada tahap sederhana dalam kajian ini.

Jadual 4: Kesediaan Terhadap Penggunaan Aplikasi *Google Classroom* Berdasarkan Aliran Mata Pelajaran

	Aliran Sains (N=53)			Aliran Sastera (N=61)		
	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Kesediaan	3.10	0.89	Sederhana	3.18	0.73	Sederhana

Perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom berdasarkan jantina

Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=0.01$, $p=0.94$) pada Jadual 5, keputusan ujian-t sampel tak bersandar telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kesediaan terhadap penggunaan *Google Classroom* [$t(112)=0.68$, $p=0.50$] baberdasarkan jantina. Justeru, H_{01} telah gagal ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa min kesediaan terhadap penggunaan *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran sejarah adalah sama antara murid lelaki dan murid perempuan dalam kajian ini.

Jadual 8: Ujian-t Sampel Tak Bersandar bagi Perbezaan Min Kesediaan Terhadap Penggunaan *Google Classroom* Berdasarkan Jantina

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian <i>Levene's</i>		t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	$Sig.$						Bawah	Atas
Perbezaan Min	0.01	0.94	0.68	112	0.50	0.11	0.15	-0.20	0.41

Perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom berdasarkan aliran mata pelajaran

Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=0.29$, $p=0.13$) pada Jadual 6, keputusan ujian-t sampel tak bersandar telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kesediaan terhadap penggunaan *Google Classroom* [$t(112)=-0.52$, $p=0.60$] berdasarkan aliran mata pelajaran. Justeru, H_{02} telah gagal ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa min kesediaan terhadap penggunaan *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran sejarah adalah sama antara murid aliran sains dan murid aliran sastera dalam kajian ini

Jadual 6: Ujian-t Sampel Tak Bersandar bagi Perbezaan Min Kesediaan Terhadap Penggunaan *Google Classroom* Berdasarkan Aliran Mata Pelajaran Sejarah

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian <i>Levene's</i>		t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	$Sig.$						Bawah	Atas
Perbezaan Min	0.29	0.13	-0.52	112	0.60	-0.08	0.15	-0.38	0.22

Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini yang telah menunjukkan bahawa tahap kesediaan murid terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* yang berada pada tahap sederhana adalah bertentangan dengan dapatan kajian NorZanira Abdul Manan dan Hafizul Fahri Hanafi (2019), kajian Jeya & Brandford (2018), dan kajian Haggag (2019) yang telah melaporkan bahawa tahap kesediaan dan penerimaan murid terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* dalam proses pembelajaran pendidikan Islam, pendidikan tinggi dan bahasa Inggeris berada pada tahap tinggi. Tahap kesediaan yang sederhana yang dilaporkan oleh murid sejarah dalam kajian ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian Fitrinintiyas, Umamah dan Sumardi (2018) yang telah melaporkan bahawa sebanyak 85 peratus murid dalam bidang pendidikan sejarah masih tidak tahu dan belum menggunakan aplikasi *Google Classroom* secara meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Hal ini demikian kerana penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai media pembelajaran sejarah adalah masih baharu dan belum diterokai sepenuhnya dalam konteks pendidikan sekolah menengah, walaupun telah diakui manfaat dan potensinya dalam menyokong proses pembelajaran secara *virtual* yang berteraskan kepada penggunaan TMK (Hapini Awang et al., 2019; Rana & Mostafa, 2018; Maslawati Mohammad, Neiman Ghazali, & Harwati Hashim, 2018; Ahmad Bujang, Asiah Naho & Noriah Awang, 2019).

Tambahan pula, dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran adalah sealiran dengan dapatan kajian Rana Hamzah dan Zamri Mahamod (2017), kajian Muna Ishak dan Farrah Wahida Abdullah (2017), kajian Mohd Zulhasanan Mat, Fadli Bacho & Sharifuddin Rapin (2019) dan kajian Norasyikin Osman dan Mohd Isa Hamzah (2016) yang telah melaporkan bahawa jantina, kekerapan melayari Internet, program dan umur adalah tidak mempengaruhi tahap kesediaan murid dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran berasaskan atas talian secara *blended-learning*, aplikasi *Google Plus* dan *mobile-learning* dalam kalangan murid telah menyokong dapatan kajian ini secara langsung mahupun secara tidak langsung. Justeru, dapat diperjelaskan bahawa murid-murid telah bersedia untuk menggunakan sebarang aplikasi teknologi yang dilaksanakan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran sejarah walaupun murid lelaki telah mempamerkan tahap kesediaan yang lebih tinggi berbanding dengan murid perempuan, di samping murid aliran sastera yang telah mempamerkan tahap kesediaan yang lebih tinggi daripada murid aliran sains dalam kajian ini.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian ini memaparkan bahawa tahap kesediaan murid terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran sejarah berada pada tahap sederhana. Pekara ini telah mencadangkan kepada para guru sejarah untuk merancang dan mengintegrasikan penggunaan aplikasi *Google Classroom* dengan lebih meluas dan berkesan bagi membentuk proses pembelajaran sejarah yang lebih bermakna dan menyeronokkan selaras dengan pelaksanaan anjakan tujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu memanfaatkan TMK dalam meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (KPM, 2013).

Rujukan

- Ade, C. P.J. (2018). Development of science learning tool based on problem based learning eith google classroom to improve argumentative skill. *Biosaintifika*, 10(2), 348-355.
- Ahmad Bujang, Asiah Naho & Noriah Awang. (2019). The application of information and communication technology (ICT) in teaching and learning. *Journal of Medical and Health Sciences*, 1-5.
- Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Wan Norma Wan Hamat & Nor Khayati Basir (2019). Penggunaan aplikasi web 2.0 dalam proses *pengajaran dan pembelajaran kursus mata pelajaran umum (MPU) di politeknik*. *E-Bangi*, 16(5), 1-13.

- Andri, W. (2016). *Analysis of factors affecting the use of google classroom to support lectures*. Kertas kerja yang dibentangkan di 5th International Conference on Information Technology and Engineering Application Palembang-Indonesia, 19-20 Februari 2016.
- Bondarenka, O.V, Mantulenska, S.V & Pikilnya, A.V. (2018). Google Classroom as tool of support blended learning for geography students. *CEUR Workshop Proceedings*, 182-191.
- Ericka, D., Muhammad, R.N.A, Karunia, G.P, Sekar, J.P, Satiyo, P., Ika, S, Bero, W & Muhmmad, R.A.Z. (2019). Integrating Simas eric with Google Classroom: enhancing biologi students motivation and scientific writing. *Biosfer: Jurnal Pendidikan Biologi*, 12(1), 1-12.
- Fauzan & Fatkhul, A. (2019). The effectiveness of Google classroom media on the students' learning outcomes of Madrasah Ibtidaiyah Teacher Education Department. *Al-IBTIDA: Jurnal Pendidikan Guru Mi*, 6(2), 271-283.
- Fitriiningtiyas, D.A., Umamah, N & Sumardi (2018). Google classroom: as a media of learning history. *ICEGE 2018, Conferences Earth and Environmental Science*. 1-8.
- Haggag, M.H. (2019). Using Google Classroom in enhancing communicative grammar use and attitudes of non-english specialized post graduates. *European Scientific Journal*, 15(1), 261-281.
- Hapini Awang, Zahuri Mat Aji, Wan Rozaini Sheik Osman, Aidayani Abdul Nasir, Mazzlida Mat Deli & Wan Yusif Wan Hamat. (2019). Virtual learning environment (VLE) implementation strategy: An-analysis of practicality for Google Classroom implementation in Malaysian Schools. *Journal of Educationa; Research & Indigeneous Studies*, 2(1), 1-16.
- Izwan N.M.S., Jastini, M.J., Sareh, S.M.K (2016). The application of google classroom as a tool for teaching and learning. *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering*, 8(10), 5-8.
- Jeya, A.K & Brandford, B. (2019). Google Classroom for mobile learning in higher education: modeling the initial peceptions of students. *Education and Information Technologies*, 1-25.
- Joko, S., & Kartono, Z.M (2019). Analysis metacognition and communication mathematics in blended learning use google classroom. *Unnes Journal of Mathematics Education Research*, 8(1), 72-83.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kurikulum Abad ke-21*. Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Buletin ANJAKAN: Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia*, Bil.4/2015. Putrajaya: Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan
- Ken, E, Chris, G & Guy, S. (2016). Google classroom: The nuts and Bolts of getting your strated. *FD Newletter*, 21(1), 2-21.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). *Determining Sampel Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. Duluth: University of Minnesota.
- Maslawati Mohammad, Neiman Ghazali, & Herwati Hashim. (2018). Secondary school student's perception on the use of Google+ towards improving ESL writing skills. *IJET*, 13(9), 224-238.
- Mohamed Amin Embi. (2013). *Web 2.0 Interactive Tools: A Quick Guide*. Bangi: UKM
- Mohd Zulhasnan Mat, Fadli Bacha & Sharifuddin Rabin. (2019). Ksediaan pelajar dalam M-Pembelajaran bagi pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti Tawau, Sabah. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*, 3(1), 103-111.
- Muhammad Alif Redzuan Abdullah & Sanimah Hussin (2019). Sikap dan persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi web 2.0 dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Jepun di Universiti Utara Putra Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 23(1), 51-57.
- Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Shahrizal Mahpol & Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad. (2019). Ksediaan pelajar terhadap penggunaan aplikasi Kahoot! Dalam pembelajaran Bahasa Arab. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication and Humanities*, 2(2), 35-50.
- Muna Ishak & Farrah Wajida Abdullah (2017). Ksediaan pelajar semester satu Jabatan Teknologi maklumat dan komunikasi (JTMK) Politeknik Seberang Perai (PsP) mengikuti pembelajaran berasaskan blended learning. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Social*, 1(1), 273-282.
- Nurfayanti & Nurbaeti (2019). Pengaruh media pembelajaran Google Classroom dalam pembelajaran analisis real terhadap motivasi belajar mahasiswa. *Jurnal Penelitian Matematika dan Pendidikan Matematika*, 2(1), 50-59.

- Norasyikin Osman & Mohd Isa Hamzah (2016). Hubungan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan blended learning berdasarkan jantina dan program. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 1-9.
- Norasyikin Osman & Mohd Isa Hamzah. (2016). Hubungan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan Blended learning berdasarkan jantina dan program. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 1-9.
- NorZanira Abdul Manan & Hafizul Fahri Hanafi (2019). Google Classroom: Students acceptance using UTAUT model. *JAPPA Journal: Journal of Applied Art*, 1(1), 64-74.
- Partnership for 21st Century Skills. (2009). 21st Century Students Outcomes and Support Systems. Retrieved from: <http://www.p21.org>
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan Lima*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rana Hamzah & Zamri Mahamod (2017). Aplikasi Google Plus dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu murid sekolah rendah. *Prosiding Seminar Serantau*, 651-660.
- Rana, A.S.A.M & Mostafa, A.E. (2018). Students' acceptance of goggle classroom: an exploratory study using PLS-SEM Approach. *IJET*, 13(6), 112-123.
- Sambit, D. (2020). Google classroom as learning management system to teach Biochemistry in a medical school. *Biochemistry and Molecular Biology Education*, 1-4.
- Sukmawati & Nensia (2019). The role of google classroom in ELT. *International Journal of Educational and Vocational Studies*, 1(2), 142-145.
- Ula, N.El.F, Lilis, S & Trisnendri, S. (2019). Penerapan Google Classroom dalam pembelajaran Inggeris kepada guru bahasa Inggeris SMP di Subang. *Jurnal Pengabdian kepada Masyarakat (Abdimus)*, 2(2), 183-191.